

11 JUL 1998

MTUC SOKONG SARANAN PM SYARIKAT PENGHANTARAN GUNA PELABUHAN TEMPATAN

KUALA LUMPUR, 11 Julai (Bernama) --Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menyokong sepenuhnya saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar syarikat penghantaran menggunakan pelabuhan tempatan mengeksport dan mengimport dagangan, bagi membantu meningkatkan kegiatan pelabuhan di negara ini.

Presidennya Zainal Rampak berkata hari ini, negara telah berjaya mencapai lebih dagangan luar berjumlah RM16.3 bilion bagi separuh pertama tahun ini, berikutan peningkatan eksport dan pengurangan import, berikutan langkah berjimat cermat yang dilaksanakan kerajaan.

Negara akan dapat menangani kegawatan ekonomi lebih berkesan, jika aliran keluar tukaran wang asing dapat dikurangkan, berikutan syarikat-syarikat penghantaran menggunakan pelabuhan-pelabuhan tempatan untuk mengeksport atau mengimport dagangan mereka, katanya.

"Malaysia mempunyai beberapa pelabuhan, seperti Pelabuhan Klang, Pasir Gudang, Kuantan, Pulau Pinang dan Bintulu, dan kita tidak nampak sebabnya mengapa syarikat-syarikat penghantaran tidak mahu menggunakan pelabuhan-pelabuhan tersebut," kata Zainal dalam satu kenyataan yang dikeluarkan hari ini.

Beliau juga berkata peningkatan aktiviti pelabuhan tempatan akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan bagi rakyat tempatan dan dengan itu membolehkan mereka mendapat upah yang lebih baik.

"Kesan limpahan daripada kegiatan tersebut akan menghasilkan pertumbuhan industri sampingan dan perkhidmatan hiliran yang berkaitan, katanya.

Beliau berkata aktiviti pelabuhan akan menyumbang kepada pemulihan ekonomi dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan di negara ini.

--BERNAMA

HAK RI